

Headline	<b>UPM hasil minyak kuruskan badan</b>	Language	<b>MALAY</b>
Date	<b>25. Oct 2008</b>	Page No	<b>21</b>
Media Title	<b>Harian Metro</b>	Article Size	<b>212 cm2</b>
Section	<b>Setempat</b>	Frequency	<b>Daily</b>
Circulation	<b>336603</b>	Color	<b>Full Color</b>
Readership	<b>2192000</b>	AdValue	



## UPM hasil minyak kuruskan badan

KUALA LUMPUR: Minyak kuruskan badan hasil penyelidikan pensyarah Universiti Putra Malaysia (UPM) memenangi pingat emas Bio-Inno Awards di Pameran BioMalaysia 2008 di sini, baru-baru ini.

Pensyarah Fakulti Bioteknologi dan Sains Biomolekul UPM, Prof Madya Dr Lai Of Ming, menghasilkan produk "Production of

Palm-Based Anti Obesity Functional Oil" iaitu sejenis minyak yang dapat mengurangkan lemak badan dan berat badan.

"Penggunaan minyak ini dapat mengurangkan selera makan serta boleh mengurangkan kandungan lipid darah, dan ia tidak menghalang penyerapan vitamin ke badan serta menjana sumber tenaga," menurut kenyataan UPM, semalam.

Minyak itu apabila diambil tidak terkumpul sebagai lemak dalam badan, kata kebenaran itu. - Bernama